

# MTUC mahu KWSP sendiri kendali skim anuiti

UM 11 MAY 2001

KUALA LUMPUR 10 Mei — Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Senator Zainal Rampak berkata, pertubuhan itu tidak menentang skim anuiti tetapi mahu kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sendiri melaksanakan skim itu tanpa melibatkan pihak swasta.

Menurut beliau, dalam tempoh tiga bulan ini MTUC akan menjelaskan pendiriannya kepada KWSP bahawa penglibatan syarikat-syarikat insurans dalam skim anuiti itu perlu ditarik balik.

Zainal mendakwa, pen-swastaaan perkhidmatan skim anuiti kepada syarikat-syarikat insurans akan membolehkan syarikat-syarikat tersebut membuat keuntungan berlipat kali ganda dengan menggunakan wang pekerja.

"Kita akan bertemu de-

ngan perunding dan kita jelaskan pendirian kita, cadangan kita dan input kita, dan apakah sebabnya kita mahu KWSP menjalankan skim anuiti ini.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sendiri telah bersetuju skim ini ditangguhkan sehingga kajian perunding peringkat dalaman selesai," katanya ketika ditemui di lobi Parliamen, hari ini.

Semalam, kerajaan telah memberi jaminan akan menyelesaikan tiga isu berkaitan KWSP termasuk menangguhkan pelaksanaan skim insurans anuiti dan menimbangkan supaya faedah hilang upaya dikembalikan.

Perdana Menteri ketika memberi jaminan itu turut bersetuju akan menentukan wang KWSP dikendalikan tanpa menimbulkan sebarang keraguan oleh mana-mana pihak.